

2 November 2010 (Selasa)

Kegagalan penyelenggaraan saluran paip faktor utama penyumbang masalah air tidak terhasil

MENURUNKAN peratusan air tidak terhasil (NRW) adalah satu daripada cara memastikan pengurusan air berkesan dan mengurangkan pembaziran. Setakat ini secara keseluruhan NRW negara berada pada 36.29 peratus. Jumlah ini tinggi berbanding negara lain di Asia seperti Filipina (25 peratus), Sri Lanka (34 peratus) dan Vietnam (32 peratus). Usaha memastikan penurunan NRW menjadi tanggungjawab bersama. Ia tidak seharusnya disandarkan kerajaan mahupun syarikat pengendali air saja. Antara faktor penyumbang utama masalah NRW di negara ini antaranya kegagalan menyelenggara saluran paip dalam tempoh sepatutnya. Masalah juga berpunca daripada pengguna, sama ada komersial mahupun industri. Antaranya pengubahsuaian meter, penyambungan secara haram dan tunggakan bil air. Kurang kefahaman pengurusan NRW, kekurangan pakar teknikal dan sumber kewangan juga dilihat sebagai penyumbang masalah.

Pengarah Jabatan Tenaga dan Air, Asia Tenggara, Bank Pembangunan Asian Manila, Anthony J Jude, berkata program usaha sama pertukaran kepakaran antara pengendali air tempatan dan luar negara adalah antara jalan keluar yang dilihat mampu membantu menurunkan peratusan NRW. "Perkara ini terbukti dengan kejayaan projek perintis di Cebu dan Davao, Filipina, Sri Lanka; Binh Duong dan Da Nang, Vietnam. Cebu berjaya menurunkan 39 peratus kepada 12 peratus, Davao 25 peratus kepada 21 peratus, Sri Lanka 48 peratus kepada 34 peratus, Binh Duong 26 peratus kepada 13 peratus dan Da Nang 40 peratus kepada 32 peratus," katanya ketika membentangkan kertas kerja 'Learning Best Practice in Water and Utility Management from ADB' pada Sidang Kemuncak Air dan Utiliti Kebangsaan 2010, di ibu negara, baru-baru ini.

Antara faedah yang diperoleh, tiada kos kepakaran, pengetahuan dan pengalaman sebenar, lawatan berulang ke pusat utiliti pakar, hasil yang nyata dan cepat, di samping potensi usaha sama dalam jangka masa panjang. Sebagai permulaan, perjanjian penggabungan pada kebiasaannya akan memakan masa antara 18 hingga 24 bulan. Anthony berkata, antara langkah utama perlu dilakukan adalah menggariskan permintaan daripada penerima kemudahan termasuklah latar belakang syarikat, mengenal pasti pakar dan penyesuaian kepakaran kepada syarikat penerima. Prasyarat utama yang perlu dipatuhi syarikat penerima perlu memastikan sikap, komitmen dan kesesuaian pakar terhadap usaha sama itu. Program pertukaran pakar itu juga bakal dipantau wakil Bank Pembangunan Asia (ADB) bagi memudahkan proses.

Pakar dan syarikat penerima juga perlu menyetujui rangka kerja berdasarkan sasaran yang realistik dan keputusan yang nyata. Ia turut mengambil kira sumber yang mencukupi barulah gerak kerja bermula antara kedua-dua syarikat pengendali bekalan. Justeru, sidang kemuncak anjuran Institut Kepimpinan dan Strategi Asian (ASLI) itu juga dilihat sebagai satu kejayaan menghimpun semua pakar dan pihak yang terbabit secara langsung dengan pengurusan air negara. Ini adalah antara usaha kerajaan mencari jalan penyelesaian kepada setiap permasalahan di samping memastikan pengurusan air negara dilakukan secara berkesan dan memanfaatkan semua pihak. Pengurusan air negara jika tidak diurus secara bijak menimbulkan krisis air yang lebih hebat berbanding krisis yang melanda beberapa negeri sekarang ini. Oleh itu, kerjasama pengguna dan semua pihak yang terbabit dengan industri air diperlukan.

Jangan sangka selama ini semua syarikat bekalan air mengaut keuntungan berganda kerana industri air tercorot kedudukan pendapatannya berbanding industri elektrik dan gas cecair. Sedangkan kos pengurusannya memakan belanja yang besar tetapi syarikat pengendali masih gagal mendapatkan pulangan pada harga kos hinggalah terpaksa menanggung kerugian. Natiyah ini yang sering disangkal oleh pengguna, sedangkan satu daripada penyelesaian adalah dengan menaikkan tarif. Malangnya isu tarif sering dipolitikkan setiap kali menjelang pilihan raya. Akhirnya umpama 'menyusu kera di hutan, anak sendiri mati kelaparan'. Padahal perlu ditanggung syarikat pengendali air hingga akhirnya terpaksa berhempas pulas mencari jalan keluar. Sampai bilakah perkara ini perlu berlaku sedangkan kita meminjam warisan daripada generasi masa depan.

4 November 2010 (Khamis)

TLDM bina kapal tempur dengan peluru berpandu

KUALA LUMPUR: Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) merancang memperkuatkan asetnya dengan pembinaan kapal tempur pesisir (LCS) yang bakal dilengkapi peluru berpandu yang dijangka diperoleh secara berperingkat dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) hingga RMK-12. Pembinaan kapal peronda generasi kedua LCS itu selepas penerimaan enam kapal peronda generasi baru (NPV) daripada Boustead Heavy Industries Corporation Bhd (BHIC) bagi mengukuhkan operasi rondaan TLDM di perairan negara. Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata langkah menaik taraf persenjataan daripada meriam kepada peluru berpandu pada LCS selaras dengan spesifikasi yang ditetapkan TLDM.

Kita masih memilih sistem persenjataan sesuai untuk dekad akan datang selain bersesuaian dengan operasi yang kita lakukan di kawasan konvensional seperti sekarang, tetapi di Laut China Selatan bagi menjaga keselamatan perairan Semenanjung serta Sabah dan Sarawak," katanya di Wisma Pertahanan, di sini, semalam. Ahmad Zahid berkata, pembinaan LCS memperlihatkan kemampuan profesional tempatan terutama dalam aspek perkapalan dan pemindahan teknologi. Katanya, apabila selesai penyerahan semua kapal LCS kepada TLDM, BHIC boleh terus mengembangkan kemampuannya dengan mendapat kontrak dari negara ASEAN lain selaras dengan persetujuan kerjasama industri pertahanan di rantau ini.

4 November 2010 (Khamis)

Dewan Rakyat: Peruntukan bina jalan adil

KERAJAAN tidak pernah meminggirkan pelaksanaan projek Jalan Persekutuan di Sabah dan Sarawak, dan di dalam setiap Rancangan Lima Tahun, kedua-dua negeri itu lazimnya antara negeri yang mendapat peruntukan pembangunan terbesar di bawah Kementerian Kerja Raya. Menteri, Datuk Shaziman Abu Mansor berkata, perancangan membina jaringan jalan dan lebuh raya di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak dilaksanakan dengan mengambil kira keutamaan projek yang digariskan di bawah Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Jalan Raya (HNDR) serta faktor keupayaan kewangan kerajaan. "Kajian semula HNDR bagi Sabah dan Sarawak 2010 telah menggariskan cadangan dan keutamaan bagi membina dan menaik taraf rangkaian jalan raya di kedua-dua negeri itu, khususnya Jalan Pan Borneo yang menghubungkan bandar utama," katanya ketika menggulung perbincangan Bajet 2011 bagi kementerian itu, di Dewan Rakyat semalam.

Katanya, pelaksanaan projek itu akan dilaksanakan secara berperingkat dalam setiap Rancangan Pembangunan Lima Tahun Kerajaan kerana ia membabitkan kos yang tinggi dan jarak yang panjang iaitu melebihi 2,300 kilometer (km). Beliau juga berkata, kementerian mengenal pasti 24 laluan utama di Semenanjung Malaysia yang mengalami kesesakan ketika musim perayaan, dan tiga daripadanya adalah di negeri Pantai Timur. Selain langkah jangka pendek yang diambil, katanya, kementerian telah melaksanakan perancangan komprehensif bagi mengenal pasti pelan pembangunan rangkaian jalan raya untuk jangka sederhana dan panjang melalui HNDP Fasa 1 dan HNDP Fasa 2. "Kajian HNDP ini antara lain telah mengenal pasti projek menaik taraf jalan, membina jalan baru, membina jalan pintas dan membina 'missing link' yang dikategorikan sebagai projek berkeutamaan untuk dilaksanakan sehingga 2025," katanya.

8 November 2010 (Isnin)

Surat - Kerajaan patut sedia peruntukan khas baiki segera sekolah rosak

TIMBALAN Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin merangkap Menteri Pelajaran memaklumkan kepada Parlimen baru-baru ini, tiga peratus daripada 55,000 sekolah atau 1,650 sekolah yang diaudit Kementerian Pelajaran mengalami kerosakan teruk dan perlukan perhatian segera. Lima peratus daripada jumlah itu pula mengalami masalah pendawaian elektrik. Pendedahan itu memerlukan perhatian serius bukan saja daripada kementerian terbabit, malah juga keprihatinan guru, kakitangan sekolah, ibu bapa dan pelajar. Persoalan paling penting ia membabitkan isu keselamatan bangunan sekolah serta penghuninya dan bagaimana untuk memperbaiki kerosakan itu. Sejak beberapa tahun lalu beberapa kemalangan berlaku membabitkan sekolah termasuk mengakibatkan kecederaan pelajar. Kejadian terbaru membabitkan Sekolah Kebangsaan (SK) Gunong di Kedah yang lantai bilik darjahnya mendarat dan runtuh ketika kelas sedang berjalan mengakibatkan 10 murid dan seorang guru cedera.

Kerajaan memperuntukkan RM8.85 bilion untuk Kementerian Pelajaran bagi melaksanakan projek pembangunan melalui Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) dengan anggaran RM5.36 bilion akan digunakan untuk membiayai projek yang belum siap di bawah RMK-9. Baki peruntukan untuk projek baru dan penambahbaikan serta pembinaan sekolah baru. Disebabkan isu keselamatan bangunan sekolah agak membimbangkan, kerajaan perlu menyediakan peruntukan khas untuk membaiki atau membaik pulih semua sekolah terbabit demi menjaga keselamatan. Dalam apa juga kemungkinan keselamatan guru dan pelajar tidak boleh dikompromi selaras konsep sekolah selamat. Pendekatan sekolah selamat bukan sekadar berkisar pada aspek berteraskan disiplin, jenayah, ancaman kepada keselamatan pelajar, buli dan perilaku gangsterisme, malah merangkumi keselamatan bangunan sekolah, bilik darjah, peralatan dan semua kemudahan di sekolah. Justeru, semua aspek berkait rapat dengan keselamatan dan kesihatan di sekolah amat perlu dititikberatkan. TAN SRI LEE LAM THYE, Aktivis Sosial.

10 November 2010 (Rabu)

KBS 'hutang' RM400,000 dengan pertubuhan sukan

Oleh Sukhairi Abd Thani sukhairi@bharian.com.my

Kementerian gagal penuhi janji pemimpin beri peruntukan

PUTRAJAYA: Kementerian Belia dan Sukan (KBS) terpaksa 'berhutang' kira-kira RM400,000 dengan pertubuhan sukan dan belia sejak akhir tahun lalu kerana gagal memenuhi janji yang ditabur pemimpin tertentu memberikan peruntukan tanpa mendapat kelulusan kerajaan terlebih dulu. Selain berjanji tanpa mendapat kelulusan kementerian itu terlebih ia tidak mengikut sistem yang ditetapkan bagi mendapatkan peruntukan, kata Timbalan Menteri, Gan Ping Sieu. "Selepas semakan, permohonan peruntukan yang kononnya diluluskan pemimpin terbabit tidak ada dalam sistem yang diguna pakai kementerian. Susulan itu, KBS mewujudkan sistem baru untuk menilai semua permohonan yang dikemukakan sama ada menerusi e-bantuan atau dimohon secara langsung kepada KBS. "Bagi peruntukan kurang RM30,000 untuk sesuatu aktiviti, Ketua Pengarah akan membuat kelulusan dalam jawatankuasanya dan jika melebihi jumlah itu, keputusan dibuat Ketua Setiausaha kementerian," katanya pada sidang media Anugerah Belia Cemerlang 2010 TOYM 2010), di sini semalam. Seramai 30 belia profesional dipilih sebagai peserta akhir untuk anugerah berkenaan dan pemenang akan menerima sijil serta piala pada malam anugerah TOYM pada 3 Disember ini di Pusat Konvensyen Sunway, Petaling Jaya. Gan berkata, kementeriannya akan membayar semua 'hutang' itu dalam masa terdekat melalui Bahagian Pembangunan Belia, tetapi menasihatkan pemimpin tidak mudah menabur janji kerana ia akan menjejaskan kredibiliti KBS, sekali gus mencalar imej pemimpin itu sendiri.

13 November 2010 (Sabtu)

KWSP beli bangunan RM750 juta di London

Oleh Ahmad Farizal Hajat



BANGUNAN pejabat di London yang kini dibeli KWSP.

Pelaburan di luar negara strategi pelbagaikan portfolio

KUMPULAN Wang Simpanan Pekerja (KWSP) membuat pembelian sulung hartanah luar negara apabila memuktamadkan pembelian bangunan pejabat di kawasan premium London, bernilai lebih 150 juta pound (RM750 juta). Sumber berkata, urus niaga yang dibuat pada bulan lalu itu membabitkan pembelian bangunan 1 Sheldon Square di Paddington, Westminster, kawasan tengah London. Katanya, meskipun bangunan pejabat itu bukan berstatus hak milik kekal, KWSP, bagaimanapun berjaya memperoleh tempoh pajakan paling lama, justeru mampu meraih pulangan lumayan. Pelaburan di luar negara itu antara strategi utama KWSP dalam mempelbagaikan portfolio pelaburannya bagi mengoptimumkan pulangan dan menambah baik profil risiko pelaburannya. London dipilih KWSP sebagai destinasi pelaburan pertama disebabkan pasaran hartanahnya yang stabil selain asetnya yang mudah dijual bagi mendapatkan tunai, katanya pada Berita Harian ketika dihubungi di Kuala Lumpur, semalam.

Sumber menjelaskan, pembelian menerusi tender terbuka itu dilaksanakan menerusi ING Real Estate Investment and Management dan RREEF, bahagian pengurusan hartanah Deutsche Bank yang dilantik sebagai perunding dan penasihat bagi urus niaga berkenaan. 1 Sheldon Square, sebelum ini dimiliki oleh Aviva Investors, Invista Real Estate Investment Management, Henderseon Global Investors dan Liquid Realty Partners. Bangunan berkeluasan 193,000 kaki persegi itu, kini menempatkan ibu pejabat firma gergasi kredit kad, Visa dan ia dijangka akan memberikan pulangan kepada KWSP sehingga enam peratus. Katanya, agensi pengurusan dana pencen terbesar Malaysia itu juga kini sedang menimbang untuk melaksanakan satu lagi urus niaga hartanah membabitkan pembelian bangunan pejabat di Portman, utara Oxford Street. Pembelian yang dijangka membabitkan nilai 181 juta pound (RM905 juta) itu akan menyaksikan KWSP bakal memiliki bangunan yang dikenali sebagai 40 Portman Square yang berstatus pegangan bebas. Setakat ini Kementerian Kewangan memberi kelulusan kepada pengurus dana pencen itu untuk melabur kira-kira AS\$10 bilion (RM32.25 bilion) di luar negara, iaitu daripada jumlah itu kira-kira AS\$6 bilion (RM19.35 bilion) sudah dilaburkan.

19 November 2010 (Jumaat)

Audit pengurusan kewangan PKNS

Oleh Hardi Effendi Yaacob dan Lum Chee Hong bhnews@bharian.com.my

Proses perlu disegerakan bagi memastikan perbelanjaan ikut prosedur, peraturan

KUALA LUMPUR: Audit penuh perlu dilakukan terhadap pengurusan kewangan, termasuk segala perbelanjaan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) bagi memastikan dana agensi itu tidak disalahgunakan Anggota Panel Penasihat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Robert Phang yang mencadangkannya berkata, proses audit juga bagi memastikan setiap perbelanjaan mengikut prosedur dan peraturan ditetapkan, selain dibelanja untuk tujuan sepatutnya. "Ia perlu dilakukan segera sebelum isu ini menjadi lebih meruncing. Ini juga berikutan orang ramai perlu diberikan penjelasan berhubung dakwaan penajaan mewah bagi majlis perkahwinan Angkasawan Negara, Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor, baru-baru ini yang dikatakan disalurkan PKNS melalui sebuah anak syarikatnya. "Jika dakwaan penajaan itu ada kebenarannya, kita mahu tahu rasional penajaan itu dibuat, termasuk dalam bentuk apa. Orang ramai ada hak untuk mengetahui fakta sebenarnya," katanya.

Berita Harian sebelum ini mendedahkan kehadiran ramai 'orang luar' termasuk perunding yang tidak memahami selok belok pentadbiran badan berkanun dan agensi kerajaan dipercayai antara punca PKNS mengalami pelbagai masalah dalaman, terutama membabitkan pengurusan kewangan. Difahamkan, isu itu bermula selepas PKNS mengambil sekumpulan 'orang luar', secara kontrak termasuk perunding dari sektor korporat bagi menggantikan pengurusan kanan agensi berkenaan sebelum ini. Phang berkata, jika laporan audit menunjukkan wujud penyelewengan atau salah guna kuasa dalam perbelanjaan PKNS, tindakan segera harus diambil, termasuk menukar serta merta pengurusannya, termasuk Ahli Lembaga Pengarah agensi terbabit. "Menteri Besar Selangor, Tan Sri Khalid Ibrahim perlu bertanggungjawab sepenuhnya terhadap apa juga yang akan berlaku selepas ini atas kapasitinya sebagai Pengerusi PKNS. "Beliau bukan sekadar perlu diberitahu, malah mengambil tahu apa yang berlaku dalam setiap agensi atau anak syarikat kerajaan negeri yang dipengerusikannya," katanya. PKNS sebelum ini didakwa membelanjakan RM520,000 bagi menaja majlis perkahwinan Dr Sheikh Muszaphar di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), 10 Oktober lalu yang disalurkan melalui sebuah anak syarikatnya.

Ini didedahkan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Hulu Klang, Saari Sungib ketika Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor, yang turut mempertikaikan rasional penajaan itu. Beliau turut mempertikaikan bayaran sewa pejabat sementara perbadanan itu sebanyak RM267,932 sebulan dengan jumlah keseluruhan RM9.6 juta bagi kontrak sewaan tiga tahun, selain isu perbezaan gaji dan kemudahan pegawai serta kakitangan asal agensi terbabit dengan perunding luar yang dilantik.

20 November 2010 (Sabtu)

Jeti Marina Awam tidak diswastakan

NUSAJAYA: Kompleks Jeti Penumpang Marina Awam Tanjung Pengelih di Kota Tinggi tidak diswastakan sebaliknya diuruskan sepenuhnya oleh Jabatan Laut Johor. Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam negeri Johor, Datuk Ahmad Zahri Jamil, berkata hanya 11 ruang dalam kompleks itu disewakan kepada sebuah syarikat swasta iaitu Meridian Ferry Services Sdn Bhd. "Ruang disewakan itu termasuk kafe, pejabat marina, dapur, pengurup wang berlesen, tiga kaunter tiket, kedai, bilik rekreasi, rumah kelab serta pejabat," katanya menjawab soalan lisan Datuk Harun Abdullah (BN-Tanjung Surat) mengenai penswastaan kompleks itu oleh Jabatan Laut pada Persidangan Ketiga Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor ke-12 di Kota Iskandar di sini, semalam. Ahmad Zahri berkata, penyewaan ruang dalam Kompleks Jeti Penumpang Marina Awam Tanjung Pengelih dipersetujui pemilik tanah iaitu Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (Kerajaan Persekutuan) mengikut beberapa syarat ditetapkan.

"Kompleks itu tidak diswastakan kepada mana-mana syarikat. "Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian sebagai pemilik tanah bersetuju dengan tawaran Syarikat Meridian Ferry Services yang memiliki pejabat di Tanjung Pengelih untuk menyewa 11 ruang terbabit. "Syarat ditetapkan antaranya tempoh sewaan tiga tahun dari 1 September lalu hingga 31 Ogos 2013 pada kadar RM11,800 sebulan, tidak dibenarkan menyewa kecil tapak tanah itu kepada pihak ketiga dan sebarang kerja membabitkan kerja tanah perlu dirujuk kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) serta jabatan kerajaan berkaitan," katanya. Kompleks Jeti Penumpang Marina Awam Tanjung Pengelih yang menyediakan perkhidmatan feri penumpang ke Tanah Merah, 'bum boat' ke Singapura dan ke Batam, dibangunkan kerajaan pusat di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) pada kos RM36 juta. Kompleks itu kini menempatkan Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam, Jabatan Kesihatan, Jabatan Pertanian, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan kaunter maklumat pelancong.

22 November 2010 (Isnin)

SPRM siasat ANGKASA

Oleh Haspaizi Mohd Zain

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah memulakan siasatan terhadap Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) berhubung dakwaan penyelewengan membabitkan RM6.4 juta. Siasatan itu disahkan sendiri Presiden ANGKASA, Prof Datuk Dr Mohd Ali Baharum, semalam. Bagaimanapun, beliau menafikan dakwaan berlaku penyelewengan selain menyifatkan tuduhan terbabit sebagai satu perbuatan jahat untuk merosakkan kredibiliti ANGKASA.

SPRM sudah masuk (mula siasat) dua minggu yang lalu, kita sudah bagi kerjasama dan bagi kita tidak ada apa-apa masalah. Cuma saya minta SPRM supaya pergi juga cari orang ini (pengadu) dan kami akan ambil tindakan hingga menyebabkan SPRM pergi (siasat). Orang yang mengeluarkan tohmahan palsu juga perlu bertanggungjawab dan bersedia menerima tindakan mengikut undang-undang, katanya ketika ditemui di sini, semalam. Mengikut laporan akhbar sebelum ini, 13 koperasi yang bernaung di bawah ANGKASA membuat laporan polis dan SPRM terhadap lapan individu menganggotai Jawatankuasa Kerja Tertinggi (JKT) koperasi itu berhubung dakwaan penyelewengan wang RM6.4 juta. Laporan itu dibuat Pengerusi Rangkaian Sahabat Dungun (KERABAT), Datuk Seri Noor Zainan Zainul dan Pengerusi Koperasi UKHUWAH, Datuk Mustapa Kamal Maulut. Mengulas dakwaan itu, Mohd Ali berkata kedua-dua individu berkenaan sudah dikenakan tindakan oleh JKT sebelum ini kerana terbabit dengan salah laku yang boleh memudaratkan ANGKASA. Dakwaan bahawa JKT ANGKASA menyeleweng dan menggelapkan duit, mereka perlu buktikan jika benar. Tradisi ANGKASA sangat telus, setiap perbelanjaan ahli jawatankuasa dan setiap sen dilaporkan kepada ahli dalam Persidangan Kebangsaan Tahunan ANGKASA (PKTA). Ini tohmahan palsu yang dibuat tanpa usul periksa dengan berniat jahat untuk mencemarkan nama baik ANGKASA dan pemimpin serta gerakan koperasi supaya orang berkepentingan tertentu boleh mengambil kesempatan, katanya. Katanya, KERABAT ditubuhkan pada Mac 2010 dengan keahlian 75 orang dan menjadi ahli ANGKASA pada Julai tahun ini, manakala Koperasi UKHUWAH menjadi ahli gabungan ANGKASA pada 20 Disember 2002.

24 November 2010 (Rabu)

6 kes curi pasir disiasat

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membuka enam fail kertas siasatan berhubung kes kecurian pasir yang didakwa membabitkan anak syarikat kerajaan negeri Selangor, Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB), kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong. Katanya, fail itu termasuk fail umum siasatan terhadap KSSB dan fail siasatan individu. Setakat ini dua orang diambil tindakan dan dituduh di mahkamah. Tak payahlah saya ulang nama sebab nama mereka disiarkan dalam surat khabar. Apabila siasatan dimulakan, SPRM perlu menyiasat pelbagai perkara termasuk saksi dan dokumen terbabit, siasatan masih dijalankan dan apabila selesai serta lengkap akan diserahkan kepada pendakwa untuk tindakan selanjutnya, katanya menjawab soalan tambahan Wee Choo Keong (BEBAS-Wangsa Maju) di Dewan Rakyat, semalam.

Choo Keong bertanya perkembangan siasatan isu mencuri pasir itu dengan menamakan Pengurus Pasaran KSSB, Wong Swee Leong yang dilantik oleh Exco Kerajaan Selangor, Ronnie Liu untuk menjalankan pelbagai kegiatan berhubung penjualan pasir, serta pemilik syarikat Sungai Rambai Angkut Sdn Bhd, Datuk Tan Chin Huat yang mendapat tender pada harga RM13.50 satu tan berbanding harga pasaran RM17.50. Ketika menjawab soalan tambahan Khairy Jamaluddin (BN-Rembau) mengenai penubuhan Pasukan Petugas Khas oleh SPRM bersama KSSB untuk menjalankan siasatan dalam KSSB, Vui Keong berkata, siasatan itu hanya membabitkan prosedur bagi mengurangkan dan mengatasi rasuah. SPRM yang membuat pemantauan dalam pasukan ini dan tidak pernah memaklumkan kepada sesiapa mengenai siasatan dan maklumat diperolehi, ia adalah rahsia, katanya. Menjawab soalan asal Wee, beliau berkata, setakat ini dua individu dituduh di mahkamah berhubung amalan rasuah dalam kes kecurian pasir di Selangor.

24 November 2010 (Rabu)

8,000 hektar hutan simpan diceroboh

Oleh Md Fuzi Abd Lateh

Rantau Panjang, Bukit Tarek tak boleh dimajukan

BUKIT TAGAR: Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Selangor (PTDHS) mengesan satu lagi aktiviti pencerobohan hutan simpan seluas 8,000 hektar membabitkan dua kawasan di Rantau Panjang dan Bukit Tarek di sini, semalam. Pegawai Daerah, Nor Hisham Ahmad Dahlan, berkata walaupun surat pengharaman untuk membangunkan kawasan hutan simpan terbabit sudah beberapa bulan dikeluarkan, aktiviti itu terus berleluasa. Beliau berkata, status dua kawasan berkenaan itu jelas diwartakan sebagai hutan simpan yang tidak membenarkan sebarang aktiviti pembangunan. Katanya, beliau musykil bagaimana aktiviti pembangunan hutan itu berjalan tanpa sekatan daripada jabatan bertanggungjawab.

Keputusan dikeluarkan Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) pada 2 Jun lalu memutuskan aktiviti pembangunan diharamkan di kawasan itu. Bagaimana aktiviti itu terus berlaku sehingga memusnahkan 8,000 hektar tanah daripada jumlah keluasan sebenar hutan simpanan itu iaitu 10,000 hektar, katanya selepas tinjauan ke kawasan terbabit, semalam. Nor Hisham berkata, MMKN memutuskan kebenaran diberikan kepada syarikat lantikan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) yang bertanggungjawab membangunkan kawasan itu, ditarik balik. Katanya, PKPS juga dituntut mengembalikan semula tanah berkenaan kepada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) seperti diputuskan pada MMKN itu. PDHS amat serius dalam apa juga perkara yang diletakkan di bawah tanggungjawabnya dan apabila perkara seperti ini berlaku, maka tindakan tegas akan diambil, katanya.

24 November 2010 (Rabu)

PTPTN lupus RM59j

TEMERLOH: Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) melupuskan pinjaman berjumlah RM59 juta kepada 2,162 pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang mendapat keputusan Kelas Pertama dari Januari hingga Julai lalu. Pengerusi PTPTN, Datuk Ismail Mohamed Said, menasihatkan pelajar yang terbabit supaya menghubungi PTPTN segera bagi urusan pembatalan kontrak yang ditandatangani sebelum ini ketika mereka membuat pinjaman. Jika mereka gagal menghubungi PTPTN, kontrak ini akan dikira terus berjalan dan mereka perlu menjelaskan pinjaman yang dibuat, katanya selepas merasmikan Kembara Muhibah 1Malaysia Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi di sini, semalam. Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata lebih 190,000 peminjam yang dihubungi langsung tidak memberi maklum balas terhadap surat yang dihantar PTPTN berhubung pembayaran balik pinjaman. Saya menasihati mereka supaya menghubungi atau datang ke pejabat PTPTN untuk berunding soal pembayaran balik pinjaman, jika tidak, tindakan undang-undang akan diambil terhadap mereka, katanya. BERNAMA

27 November 2010 (Sabtu)

Negeri Sembilan lulus RM94.9j kos pembangunan

SEREMBAN: Kerajaan Negeri Sembilan memperuntukkan RM94.9 juta bagi pelaksanaan pembangunan di negeri ini menerusi Bajet 2011 yang dibentangkan pada Sidang Dewan Undangan Negeri ke-12 di sini, semalam. Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan, berkata RM88.7 juta adalah peruntukan daripada kerajaan negeri manakala RM6.2 juta adalah pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Peruntukan itu diagihkan kepada lima sektor iaitu infrastruktur 28.15 peratus, sosial (38.57 peratus), pentadbiran (13.54 peratus), pertanian (12.54 peratus) dan agama (6.85 peratus). "Peruntukan infrastruktur termasuk bagi projek menaik taraf dan menyelenggara jalan serta projek tebatan banjir yang memberi manfaat kepada orang ramai," katanya ketika membentangkan bajet itu, semalam.

6 Disember 2010 (Isnin)

PTK tak lagi syarat kenaikan pangkat

PUTRAJAYA: Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) tidak lagi menjadi syarat kenaikan pangkat kakitangan kerajaan mulai 1 Januari ini, apabila pelaksanaannya dihentikan berkuat kuasa tarikh sama selaras pengumuman kerajaan dalam Bajet 2011, Oktober lalu. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Abu Bakar Abdullah, berkata ketetapan itu dibuat selepas mengambil kira pegawai yang menduduki PTK pada 2010 dan sebelumnya untuk dipertimbangkan anjakan gaji pada 2011 selepas memenuhi semua syarat yang ditetapkan. "Justeru, sehingga penilaian baru diperkenalkan, PTK tidak lagi menjadi syarat kenaikan pangkat mulai 1 Januari 2011," katanya dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13/2010 yang disiarkan di laman web Jabatan Perkhidmatan Awam, semalam.

PTK diperkenalkan dalam Sistem Saraan Malaysia (SSM) bermula 1 November 2002 bertujuan menggalakkan pembangunan diri pegawai perkhidmatan awam melalui pembelajaran berterusan, meningkatkan budaya organisasi pembelajaran dan melaksanakan pengurusan sumber manusia berasaskan kompetensi. Bagaimanapun, peperiksaan itu menimbulkan pelbagai kontroversi kerana dikatakan ramai kakitangan terutama yang berpengalaman sukar menikmati kenaikan pangkat. Ketika membentangkan Bajet 2011, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, berkata kerajaan memutuskan PTK dimansuh dan digantikan dengan sistem penilaian yang lebih sesuai dan diterima baik pegawai awam menjelang Jun 2011. Abu Bakar berkata, jika masih ada keputusan PTK yang belum selesai selepas 1 Januari ini, Lembaga Penilaian Kompetensi diberi kuasa untuk mempertimbang dan mengesahkan keputusan PTK berkaitan. "Urusan itu hendaklah diselesaikan sebelum 1 Jun 2011," katanya.

8 Disember 2010 (Rabu)

Rencana - Idea kreatif, inovatif penjawat awam rangsang transformasi ekonomi

Oleh Ismail Awang

DALAM konteks perkhidmatan awam, inovasi bermaksud cetusan idea kreatif yang dapat meningkatkan kreativiti dan produktiviti penyampaian perkhidmatan. Inovasi boleh berupa produk, perkhidmatan, proses, sistem, prosedur kerja dan teknologi. Pendekatan inovatif dan kreatif amat diperlukan untuk meningkatkan tahap kecekapan, ketelusan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan sejajar kehendak dan harapan rakyat. Bertujuan memberi perkhidmatan dan hasil yang cekap, cepat serta menepati keperluan dan kehendak rakyat. Selain mampu menyediakan perkhidmatan cepat dan berkesan untuk sektor swasta bertujuan mengurangkan kos menjalankan perniagaan. Pada masa sama meningkatkan daya saing negara, dan memastikan sistem dan prosedur kerja yang kemas, selaras dan cekap bagi menghalang sekali gus menutup ruang dan peluang berlaku rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam pengurusan kerajaan. Khususnya kepada jabatan, organisasi atau agensi yang terdedah gejala berkena.

9 Disember 2010 (Khamis)

PBT diminta lunas hutang urus sisa pepejal RM348j

KUALA LUMPUR: Tan Sri Muhyiddin Yassin meminta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melunaskan tunggakan bayaran perkhidmatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PSP&PA) kepada syarikat konsesi berkaitan yang dianggar berjumlah RM348.6 juta sejak 13 tahun lalu. Timbalan Perdana Menteri berkata, semua tunggakan hutang itu perlu dilunaskan sebelum Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 dikuatkuasakan tahun depan. "PBT yang masih menanggung hutang atau bayaran perkhidmatan tertunggak kepada syarikat konsesi ini kita minta mereka menjelaskannya sebelum ia diambil alih oleh kementerian," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pengurusan Sisa Pepejal (Akta 672) di sini, semalam. Muhyiddin berkata, perkara itu antara yang dipersetujui dalam mesyuarat berkenaan yang bertujuan membincangkan hala tuju pelaksanaan sektor pengurusan sisa pepejal kebangsaan. "Aspek pengurusan sisa pepejal ini amat penting dan sekian lama tertangguh. Secara keseluruhannya semua setuju cuma ada beberapa negeri minta untuk mengadakan rundingan secara terperinci sebelum mereka menyertai program pengambilalihan oleh Kerajaan Persekutuan," katanya. Muhyiddin berkata, mesyuarat semalam turut bersetuju kerajaan negeri dan PBT terus membuat bayaran perkhidmatan PSP&PA atas kadar sedia ada kepada Kerajaan Persekutuan.

"Sebarang kenaikan kadar apabila penswastan penuh dilaksanakan akan ditampung oleh Kerajaan Persekutuan," katanya. Beliau berkata, mesyuarat, juga bersetuju supaya kerajaan negeri, PBT dan Kerajaan Persekutuan menandatangani perjanjian bersama berhubung bayaran perkhidmatan PSP&PA itu. Muhyiddin berkata, mesyuarat juga bersetuju supaya semua kontraktor perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam sedia ada di PBT dijadikan syarikat konsesi sebelum akta berkenaan dikuatkuasakan. "Mereka juga bersetuju semua tapak pelupusan milik PBT ada digunakan Kerajaan Persekutuan," katanya. Sementara itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam siaran medianya berkata, semua keputusan mesyuarat itu dipersetujui semua kerajaan negeri kecuali Pulau Pinang, Perak dan Selangor yang memohon ditangguhkan keputusan bagi membolehkannya memperhalusi perkara yang disyorkan. – BERNAMA

12 Disember 2010 (Ahad)

Pengurusan prestasi perlu teratur, sistematik

Oleh Mohamad Rozi Hassan

KPI mampu jadi petunjuk pencapaian produktiviti melalui kecekapan organisasi. PENILAIAN Tahap Kecekapan (PTK) diperkenalkan dalam Sistem Saraan Malaysia (SSM) bermula 1 November 2002, dimantapkan pada 2005 dan dibuat pengubahsuaian pada 2008. Bertujuan menggalakkan pembangunan diri pegawai perkhidmatan awam melalui pembelajaran berterusan, meningkatkan budaya organisasi pembelajaran dan melaksanakan pengurusan sumber manusia berasaskan daya saing atau kompetensi. Namun ekoran kritikan berpanjangan terhadap penilaian yang dikatakan lebih berorientasikan peperiksaan, maka terkubur PTK akhirnya. Senarainya, ramai penjawat awam tidak berpuas hati dengan PTK kerana ada yang cemerlang melaksanakan tugas hakiki, tetapi tidak diiktiraf prestasi mereka kerana gagal melepasi syarat PTK.

Dalam pada itu, ada pula yang tidak seberapa prestasi mereka, tetapi disebabkan lulus PTK, dinaikkan pangkat – walaupun kenaikan pangkat bukan saja dinilai dari segi PTK, malah juga syarat lain seperti merit, kekosongan jawatan serta sokongan ketua jabatan. Persoalannya sekarang, apakah kerangka baru sistem pengurusan prestasi yang akan dibangunkan? Apapun, kerangka itu perlu bersifat komprehensif dan hanya akan berguna kepada sesebuah organisasi apabila ia selari dengan pelan strategik organisasi sedia ada dan dapat menangani isu mendasar agar pekerja kekal bermotivasi, komited dan berkesan. Antara isu yang harus diambil kira dalam kerangka berkenaan adalah isu keadilan, pelan penggantian, peningkatan kompetensi, sistem pengiktirafan (ganjaran) dan pelan laluan kerjaya. Pengurusan prestasi perlu disediakan dengan teratur dan dilaksanakan secara sistematik serta dihubungkan dengan produktiviti pekerja, organisasi dan negara.

Persekitaran semasa yang begitu kompetitif memerlukan pengurusan prestasi yang memberi fokus kepada penyediaan sumber manusia sektor awam yang mampu menjuarai pola pemikiran kritis dan konstruktif dalam mendukung Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) secara kreatif dan inovasi di luar kelaziman. Kefahaman yang semakin terbuka terhadap insan sebagai modal menuntut transformasi sumber manusia sektor awam agar mampu 'survive' dan menghasilkan 'out-put' yang lebih baik – 'quality growth'. Amalan pembangunan sumber manusia moden seperti 'Continuing Professional Development' (CPD) dan 'Competency Based Training' (CBT) harus menjadi inti pati dalam pembangunan kerangka pengurusan prestasi sektor awam mahupun swasta. Melalui CPD, anggota sektor awam perlu menunjuk kepada pengurusan atasan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi melalui kursus atau seminar yang dihadiri, mesyuarat, pembacaan, kelayakan kepakaran lain, kegiatan luar dengan masyarakat, penulisan dan pembabitan dalam kegiatan jawatankuasa di jabatan.

Ia melestarikan pembelajaran sepanjang hayat, pembangunan diri dan penilaian prestasi staf yang digabungkan, matlamat Dasar Sumber Manusia sektor awam dapat dicapai, waktu pembelajaran yang lebih fleksibel dan penjimatan kos operasi. CBT pula adalah pendekatan kepada proses latihan yang menekankan pada apa yang seseorang itu dapat persembahkan – pengetahuannya, ketrampilan serta sikap profesional di tempat kerja, sesuai dengan standard kompetensi sesebuah organisasi. Standard kompetensi boleh dibangun berdasarkan kompetensi generik dan kompetensi fungsian. Dengan standard kompetensi, maka orang berkenaan mampu mengerjakan suatu tugas / pekerjaan, menguruskannya agar tugas terbabit dapat dilaksanakan, menyelesaikan masalah yang ada dan apa harus dilakukan apabila terjadi sesuatu keadaan yang berbeza dengan memerlukan perancangan semula.

Kekuatan CPD dan CBT ialah pendekatan yang lebih berkesan dalam penggunaan kos pembiayaan, pembangunan ketrampilan dan kompetensi yang lebih relevan, penilaian konsisten dan identifikasi prestasi secara berterusan serta sistematik. Yang lebih penting, pendekatan ini boleh disediakan dalam bentuk Petunjuk Prestasi Utama (KPI). Prestasi secara umumnya dikenali sebagai produktiviti sesebuah organisasi boleh dicapai dan dipertingkatkan melalui pengurusan yang cekap dan menggunakan KPI sebagai kayu ukur utama. Dengan kata lain, KPI boleh ditafsirkan sebagai penunjuk pencapaian sesebuah organisasi dan anggotanya dalam satu jangka masa tertentu berlandaskan matlamat organisasi terbabit. Sehubungan itu, setiap organisasi hendaklah membentuk dan menentukan KPI masing-masing dalam usaha mengukur prestasi mereka. KPI terbaik adalah yang berlandaskan malah menggambarkan matlamat organisasi dan boleh diukur. KPI yang ditentukan oleh pengurusan sesebuah organisasi hendaklah disebar luas kepada semua lapisan dan kategori anggota masing-masing melalui pelbagai saluran dan kaedah, malah hendaklah difahami dan dihayati setiap anggota dalam organisasi itu.

Penerapan kekuatan CPD dan CBT serta suntikan amalan KPI perlu disinergikan dengan pembangunan sistem ganjaran yang holistik. Sistem ganjaran adalah satu elemen penting dalam proses pengurusan prestasi kakitangan iaitu memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada pencapaian yang diperolehi. Sistem ganjaran boleh dibuat dalam bentuk kewangan dan bukan kewangan seperti pujian, peluang untuk latihan dan pembangunan serta kenaikan pangkat, namun sifat semula jadi dan motivasi manusia sangat mengambil berat sekiranya ganjaran penilaian prestasi dibuat dalam bentuk kewangan seperti sugu hati, bonus atau kenaikan gaji. Kesimpulannya, apa juga kerangka pengurusan prestasi yang digubal, kakitangan sektor awam perlu memiliki karakter yang kuat, keluasan ilmu, keterampilan kompetensi dan sikap yang baik dalam menyampaikan perkhidmatan dengan penuh iltizam dan akauntabiliti. Kecemerlangan dapat dicapai dengan mempersiapkan diri dengan melaksanakan tugas secara profesional melalui perkhidmatan yang efektif dan berkesan, mempersiapkan diri untuk menjadi anggota perkhidmatan awam yang berada di tahap 'terbaik di kalangan terbaik' dan cemerlang dalam semua aspek – sama ada pada peringkat organisasi mahupun nasional. Penulis ialah Pensyarah Kanan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Pengarah UMP Consultancy & Training Sdn

13 Disember 2010 (Isnin)

Masalah kutipan sampah tonjol kelemahan pengurusan sisa pepejal

Oleh Syed Azwan Syed Ali bhnews@bharian.com.my

LEBIH 10 tahun lalu, rakyat di negara ini menghasilkan kira-kira 15,000 tan sampah sehari dan jumlah itu jika dikumpulkan selama 10 hari mampu menjadi satu lagi Menara Berkembar Petronas. Menjelang 2020, jumlah sampah dijana, dijangka mencecah 30,000 tan sehari ekoran peningkatan jumlah penduduk yang kini melebihi 28 juta orang. Perkembangan itu pastinya memendekkan jangka hayat 176 tapak pelupusan sampah beroperasi di negara ini dan keadaan diburukkan lagi jika tahap kitar semula di kalangan rakyat masih di takuk lama, sekitar lima peratus. Kepesatan ekonomi menyebabkan persaingan guna tanah semakin sengit walhal lebih 90 peratus daripada tapak pelupusan sedia ada adalah kawasan pembuangan sampah terbuka dengan jangka hayat maksimum lima tahun. Bermakna, menjelang 2015, pihak berkuasa tempatan (PBT) bakal berdepan dengan masalah mencari tapak membina kawasan pelupusan baru untuk 'menguruskan' sampah yang semakin banyak dihasilkan dari tahun ke tahun.

Persoalannya, adakah kita akan terus berkompromi dengan sistem sedia ada yang bergantung kepada mekanisme tapak pelupusan dan memerlukan tanah luas atau mengguna pakai sistem pengurusan sampah bersepadu seperti diamalkan di negara maju? Bagi pakar pengurusan sisa pepejal Universiti Malaya, Prof Dr P Agumuthu, kerajaan tidak mempunyai pilihan kecuali menguatkuasakan segera Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) yang tertangguh sejak tiga tahun lalu. Katanya, fakta hanya kurang 10 peratus daripada 176 tapak pelupusan sampah adalah tapak pelupusan sanitari yang mesra alam dan selamat, membuktikan keadaan tapak pelupusan sampah negara sebenarnya serius dan tenat untuk jangka panjang. "Kita perlu penyelesaian jangka panjang lebih efektif. Akta 672 perlu dikuat kuasa secepat mungkin," katanya kepada Berita Harian. Saintis alam sekitar itu berkata, penguatkuasaan akta akan membolehkan kerajaan persekutuan mengambil alih pengurusan sisa pepejal negara yang kurang berkesan di bawah selenggaraan PBT.

Katanya, negara juga memerlukan sistem pengurusan sisa pepejal bersepadu seperti diamalkan di negara maju seperti Jepun yang mempunyai lebih 2,000 insinerator dan tapak pelupusan untuk melupuskan sampah dihasilkan. "Mungkin kita perlu menimbangkan menggunakan insinerator yang sesuai untuk membakar sampah, manakala tapak pelupusan hanya digunakan untuk melupuskan (sisa dibakar di insinerator) seperti di Jepun," katanya. Sebelum ini, beberapa insinerator berskala kecil dibina di beberapa pulau, tetapi gagal beroperasi dengan berkesan kerana gagal menampung jumlah sampah dijana selain tidak kos efektif. Banyak pihak menyifatkan perkara itu berlaku ekoran kegagalan melakukan kajian terperinci mengenai komposisi sampah di negara ini yang mempunyai kandungan air tinggi (45 peratus sisa dihasilkan rakyat negara ini adalah sisa makanan) menyebabkan ia memerlukan tenaga tinggi untuk membakar sampah terbabit.

Sumber industri berkata, kelemahan pengurusan sisa pepejal negara ini dapat dilihat melalui masalah kutipan sampah dan isu pembuangan sampah haram yang sering dilaporkan media tempatan, sehinggakan ia menjadi masalah rutin di beberapa kawasan. Masalah kutipan sampah, misalnya didakwa dikaitkan dengan kegagalan sebilangan PBT membayar kepada syarikat konsesi yang kemudiannya gagal membayar kepada kontraktor diupah mengikut jadual menyebabkan berlaku gangguan dalam rutin kutipan sampah di kawasan perumahan. Ini menerangkan kenapa mutu perkhidmatan pengurusan sampah berbeza mengikut kawasan PBT kerana tidak diseragamkan.

Baru-baru ini, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mendedahkan hutang PBT kepada syarikat konsesi sejak 13 tahun lalu mencecah RM348.6 juta dan pihak terbabit diminta menjelaskan hutang tertunggak itu sebelum kerajaan pusat mengambil alih pengurusan sisa pepejal negara. Tunggakan hutang itu bukan saja menjejaskan mutu perkhidmatan kepada pengguna malah menjejaskan usaha syarikat konsesi terbabit menaik taraf secara berperingkat tapak pelupusan sampah sedia ada bagi memanjangkan jangka hayat.